

04 APR 1997

MEASAT SEDANG BERUNDING DGN SYARIKAT PENGELUAR DI MUMBAI UNTUK DTU

Oleh: Mahesh Prasad

NEW DELHI, 4 April (Bernama) -- Pengendali TV satelit terbesar Malaysia, Measat, sedang berunding dengan beberapa syarikat India untuk usaha sama dalam perkhidmatan siaran terus kepada pengguna (DtU).

Harian berbahasa Inggeris, Times of India, melaporkan dari Kuala Lumpur mengenai perundingan dengan sebuah syarikat pengeluaran berpangkalan di Mumbai (Bombay) yang "difahamkan telah dikenal pasti sebagai rakan kongsi yang berpotensi."

Syarikat itu enggan mengulas.

Menurut laporan itu, perundingan itu berikutan notis kerajaan pada 19 Dis yang menolak kemungkinan pelancaran perkhidmatan awal TV DtU oleh Measat.

Katanya juga peringkat awal perundingan telah dijalankan dengan Business India Television dan Sun TV, sungguhpun isu-isu penting seperti perkongsian hasil pelaburan dalam pembentukan perikatan tiga pihak sedang dibincangkan.

Laporan The Times of India menyebut Paul Edwards, Ketua Pegawai Operasi Astro, perkhidmatan DtU digital di Malaysia sebagai berkata syarikat telah berjaya melancarkan perkhidmatan itu dan telahpun mencapai liputan 50,000 pelanggan.

"Kami bercadang meluaskan kepada sejuta pelanggan sepanjang tempoh lima tahun," beliau dipetik sebagai berkata.

Beliau dilaporkan telah memberitahu akhbar itu bahawa lebih AS\$200 juta (RM500 juta) telah dilabur di dalam pembangunan All Asia Broadcast Centre di Taman Teknologi Kuala Lumpur, menjadikannya kompleks siaran digital dan pengeluaran terbesar di dunia.

Astro, yang menggunakan teknologi siaran digital tercanggih, adalah sebahagian daripada Koridor Raya Multimedia, hasil ilham Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohammad, yang bercadang meletakkan Malaysia sebagai negara maju sepenuhnya menjelang 2020.

Selain India, KU-band berkuasa tinggi Measat meliputi Filipina, Vietnam, Indonesia, Taiwan dan timur Australia. -- BERNAMA

MP OS/sia